

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK	Etiqa General Takaful Berhad ("Kami")
Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Takaful Pemilik Rumah/Isi Rumah . Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am.	Takaful Pemilik Rumah/Isi Rumah Tarikh : HH/BB/TTTT

1. Apakah produk ini?

Produk ini menawarkan perlindungan kepada bangunan (kediaman persendirian) anda dan kandungan isi rumah serta barang peribadi di dalam rumah anda.

2. Apakah konsep-konsep Syariah yang digunakan?

Wakalah

Produk ini menggunakan konsep Wakalah (perwakilan), di mana para peserta melantik Kami untuk bertindak bagi pihak mereka untuk melabur dan menguruskan Dana Takaful Am (Dana). Para peserta juga bersetuju untuk memberikan kuasa kepada Kami untuk mewakilkan hak, tanggungjawab dan kewajipan kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Kami bagi mencapai objektif untuk melabur dan menguruskan Dana tersebut dengan syarat, bagi perwakilan ini, Kami akan tetap bertanggungjawab terhadap semua hak, tanggungjawab dan kewajipan terhadap para peserta. Sebagai ejen, Kami berhak menerima Fi Wakalah sebagai caj perkhidmatan.

Tabarru'

Pelan ini juga menggunakan konsep Tabarru' (derma), di mana para peserta bersetuju untuk menderma atau menyumbang sumbangan mereka kepada Dana bagi tujuan saling membantu dan menolong mana-mana Peserta lain yang memerlukan bantuan berdasarkan peristiwa yang telah dipersejuaui terlebih dahulu. Pada akhir setiap tahun kewangan, sebarang lebihan dalam Dana, tolak pembayaran balik defisit bersejarah dan peruntukan luar jangka, dan tertakluk kepada polisi lebihan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami, 50% akan dikongsi antara peserta yang sijilnya belum ditamatkan dan yang belum membuat tuntutan dalam tahun kewangan, dan 50% kepada Kami kerana mengendali dan menguruskan Dana, berdasarkan kontrak Ju'alah. Ju'alah ialah kontrak ganjaran yang menentukan pengagihan perkongsian lebihan. Jika lebihan itu kurang daripada RM10.00, lebihan itu akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan yang akan digunakan sebagai amal jariah bagi pihak peserta. Tabung kebajikan akan diagihkan kepada penerima yang layak sebagaimana yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami untuk tujuan kebajikan.

3. Apakah jenis-jenis perlindungan/manfaat yang diberi?

Jenis-jenis manfaat adalah seperti berikut:

Jenis Manfaat	Empunya Rumah (Bangunan)	Isi Rumah (Kandungan)
Kebakaran, kilat dan letupan yang disebabkan oleh gas yang digunakan untuk tujuan domestik	√	√
Pesawat udara dan/atau peranti udara yang gugur daripadanya	√	√
Hentaman oleh sebarang kenderaan atau haiwan	√	√
Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip	√	√
Kecurian dengan pemecahan menggunakan kekerasan dan keganasan ke dalam dan keluar dari rumah	√	√
Ribut, puting beliung dan angin taufan	√	√
Gempa bumi dan letusan gunung berapi	√	√
Banjir	√	√
Kerugian sewa (Had 10% daripada Jumlah Dilindungi)	√	√
Liabiliti pihak ketiga untuk kemalangan di dalam rumah anda – had limit sehingga RM50,000	√	√
Harta yang dipindahkan sementara - sehingga 15% daripada jumlah dilindungi pada kandungan rumah	✗	√
Kerosakan kepada cermin, selain dari cermin tangan - sehingga RM500 setiap keping untuk setiap kemalangan	✗	√
Pampasan Kematian Peserta, disebabkan oleh kebakaran atau rompakan di mana terdapat kemasukan ganas dan secara paksa ke rumah - Had RM10,000 atau satu perdua daripada Keseluruhan Jumlah Dilindungi ke atas kandungan yang mana lebih rendah	✗	√
Harta orang gaji	✗	√

Anda boleh memperluaskan perlindungan dengan membayar sumbangan tambahan:

Jenis Manfaat	Empunya Rumah (Bangunan)	Isi Rumah (Kandungan)
Rusuhan, mogok dan kerosakan akibat keganasan	√	√
Ditinggalkan tidak berpenghuni untuk lebih dari 90 hari	✗	√

Kerugian akibat kecurian tanpa pemecahan masuk dan/atau keluar rumah menggunakan kekerasan dan keganasan sebenar tidak termasuk kecurian oleh orang gaji atau ahli keluarga	x	√
---	---	---

Tempoh perlindungan adalah satu tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful setiap tahun.

Nota:

- 1) Sila rujuk sijil takaful untuk maklumat lanjut berkenaan manfaat- manfaat di atas.
- 2) Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (laiari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah perlindungan dan jumlah sumbangan yang perlu saya bayar?

Jumlah sumbangan tahunan yang perlu anda bayar adalah dikira berdasarkan jumlah perlindungan dan perlindungan tambahan, jika ada.

Semua sumbangan (jika terpakai) akan tertakluk kepada caj-caj atau cukai-cukai yang berkenaan, sebagaimana yang dianggap perlu oleh pihak berkuasa cukai Malaysia. Adalah penting untuk anda menyimpan apa-apa resit yang anda terima sebagai bukti pembayaran sumbangan.

5. Apakah fi dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Fi Wakalah	40% daripada sumbangan termasuk: <ul style="list-style-type: none"> • 15% komisyen dibayar kepada bank • 25% perbelanjaan pengurusan
Cukai Perkhidmatan	8% daripada sumbangan
Duti Setem	RM10.00

6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat penting yang harus saya ambil perhatian?

Kepentingan pendedahan

- a. Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Permohonan ini dengan lengkap dan tepat.
- b. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful anda, keengganinan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatkan kontrak takaful anda.
- c. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- d. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Permohonan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
- e. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Permohonan tidak tepat atau sudah berubah.

Nilai pasaran

- a. Anda perlu memastikan harta anda dilindungi pada jumlah yang berpatutan sepanjang masa, dengan mengambil kira pengubahauan dan penambahbaikan yang dilakukan. Amaun yang dilindungi mesti melindungi kos membina semula rumah anda sekiranya berlaku kerugian / kerosakan.
- b. Untuk membantu anda dalam menentukan jumlah yang dilindungi, anda boleh menggunakan anggaran kalkulator kos bangunan yang disediakan oleh Persatuan Takaful Malaysia (MTA) melalui pautan berikut: <https://bcc.malaysiantakaful.com.my/>. Sila ambil perhatian bahawa anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat profesional bebas jika harta itu telah diubahsuai secara meluas dan / atau mempunyai reka bentuk yang unik / tidak standard.
- c. Bagi bangunan dalam pembinaan (BICC), pihak bank akan menggantikan sijil Kebakaran kepada sijil Pemilik Rumah selepas pembayaran akhir pinjaman/pembentangan. Anda boleh memilih sijil Kebakaran asas selain daripada Pemilik Rumah dengan menuis secara rasmi kepada Kami selepas pinjaman/pembentangan dibayar sepenuhnya.

Fasal Purata - Sekiranya jumlah yang dilindungi dalam sijil takaful anda adalah kurang daripada nilai sebenar pada waktu kerugian berlaku, anda adalah dianggap sebagai menanggung sendiri perbezaannya dan anda akan menanggung sebahagian daripada kerugian secara berkadar.

Lebihan – Jumlah kerugian yang perlu anda tanggung hanya untuk sesetengah peril, seperti Pecahan atau limpahan tangki air domestik atau paip, Ribut, Puting Beliung, Angin Taufan, Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi, and Banjir.

Tuntutan – jika berlaku kemalangan yang membawa kepada tuntutan, anda hendaklah memberitahu kami dalam masa 30 hari dari tarikh kemalangan itu berlaku.

Kandungan Isi Rumah - Setiap barang (tidak termasuk perabot, piano, organ perkakas rumah, radio, set televisyen, set perakam video, hi-fi dan seumpamanya) hendaklah tidak melebihi 5% daripada jumlah dilindungi kecuali barang sedemikian telah secara khusus diisytihar sebagai butiran yang berasingan.

Perlindungan Terhad – jumlah nilai platinum, emas dan perak, logam berharga dan batu, barang kemas, jam tangan dan bulu binatang hendaklah dianggap tidak melebihi satu pertiga (1/3) daripada jumlah perlindungan ke atas isi rumah.

Nilai Penuh Isi Rumah – Jumlah perlindungan diisytiharkan oleh pihak yang dilindungi tidak boleh kurang daripada nilai penuh isi rumah yang dilindungi. Jumlah liabiliti berkenaan dengan kerugian atau kerosakan yang dalam mana-mana satu tempoh takaful tidak boleh melebihi amanah yang dinyatakan terhadap setiap perkara masing-masing atau dalam agregat jumlah wang yang dilindungi yang dinyatakan dalam jadual.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk melihat keseluruhan terma dan syarat.

7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah sijil ini?

Sijil ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti:

- a. Kehilangan atau kerosakan akibat penenggelaman, gelinciran tanah, rusuhan, mogok dan kerosakan akibat niat jahat;
- b. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh perperangan atau risiko seumpamanya;
- c. Kerugian atau kerosakan kepada bangunan jika dibiarakan lebih daripada sembilan puluh (90) hari (melainkan jika ia diberitahu secara bertulis kepada Kami dan dipersetujui oleh Kami melalui pengendorsan dikeluarkan);
- d. Kerugian atau kerosakan disebabkan oleh pencemaran radioaktif, radiasi nuklear atau risiko seumpamanya.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian di bawah sijil ini

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan sebahagian daripada sumbangan dengan syarat anda tidak membuat sebarang tuntutan sepanjang tempoh takaful.

9. Apa yang patut saya buat sekiranya ada perubahan maklumat?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan maklumat perhubungan bagi memastikan semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Etiqa General Takaful Berhad (201701025031)

(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)

Aras 13, Tower B, Dataran Maybank

No. 1, Jalan Maarof

59000 Kuala Lumpur, Malaysia

Nombor Telefon: +603 2297 3888

Nombor Faksimile: +603 2297 3800

E-mell: info@etiqqa.com.my

Laman Web: www.etiqqa.com.my

Pusat Perkhidmatan Kumpulan Maybank 1300 88 6688

11. Lain-lain jenis perlindungan seumpama yang boleh didapati

Takaful Kebakaran.

NOTA PENTING:

ANDA PERLU MEMASTIKAN HARTA ANDA DILINDUNGI DENGAN NILAI YANG BERPATUTAN. ANDA HARUS BACA DAN FAHAMI KANDUNGAN SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN WAKIL PEMASARAN ANDA ATAU HUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang terkandung dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada HH/BB/TTTT.